

India mula henti beli minyak sawit Malaysia

Pembeli komoditi itu khuatir kerajaan berkenaan akan bendung import dari negara Asia Tenggara

Syarikat penapis minyak sawit India mula menghentikan pembelian minyak sawit dari Malaysia untuk penghantaran November dan Disember ini.


Lima pembeli minyak sawit India berkata, perkara itu disebabkan mereka khuatir kerajaan India akan menaikkan cukai import atau menguatkuasakan langkah lain untuk membendung import dari negara Asia Tenggara.

Pembelian lebih rendah oleh India, yang selama ini menjadi pembeli terbesar minyak sawit Malaysia boleh menyebabkan inventori yang lebih tinggi dan memberi tekanan kepada harga minyak sawit Malaysia.

Malah, ia juga dapat membantu pesaingnya, Indonesia meningkatkan penghantarannya ke India.

Beberapa laporan sebelum ini menyatakan India sedang mempertimbangkan untuk menyekat import beberapa produk dari Malaysia termasuk minyak sawit selepas Malaysia mengkritik India kerana tindakannya di Kashmir.

Kerajaan India bagaimanapun belum membuat sebarang kenyataan rasmi mengenai minyak sawit Malaysia.



Niaga hadapan minyak sawit Malaysia merosot disebabkan kebimbangan mengenai kemungkinan sekatan import dan minyak makanan yang berkaitan. (Foto hiasan)

Kementerian Perdagangan-nya juga tidak segera memberi maklum balas rasmi.

"Kami memerlukan penjelasan rasmi sebelum menjalankan perniagaan dengan Malaysia," kata seorang peniaga yang berpangkalan di Mumbai.

Firma perdagangannya bakal membeli 5,000 tan minyak sawit pada Jumaat dari Malaysia untuk penghantaran November tetapi memutuskan tidak meneruskan urusan niaga itu selepas mendengar laporan kemungkinan berlakunya sekatan.

Jika kerajaan tidak memberikan penjelasan pada beberapa hari akan datang, syarikat India akan membeli minyak sawit dari Indonesia.

Niaga hadapan minyak sawit Malaysia merosot dua hari berturut-turut pada Isnin diseb-

babkan kebimbangan mengenai kemungkinan sekatan import dan minyak makanan yang berkaitan.

"Peniaga di kedua pihak ketika ini buntu dengan situasi yang berlaku. Mereka tidak tahu bagaimana untuk merancang penghantaran," kata Ketua Eksekutif Sunvin Group, Sandeep Bajoria.

"Pada sisi yang lain, untuk lebih berhati-hati, pembeli lebih memilih penghantaran dari Indonesia untuk mengelakkan sebarang kesan yang lebih tinggi," katanya.

Minyak sawit menyumbang hampir dua pertiga jumlah import minyak masak India. India membeli lebih daripada 9.0 juta tan minyak sawit setiap tahun, terutamanya dari Indonesia dan Malaysia.

Berdasarkan data Lembaga Minyak Sawit Malaysia, dalam sembilan bulan pertama 2019, India membeli 3.9 juta tan minyak sawit Malaysia, dengan import bulanan sebanyak 433,000 tan.

Kontrak import paling banyak yang dicatatkan pada Oktober telah ditandatangani, kata seorang peniaga yang berpangkalan di Mumbai sambil menambah import akan menjunam dari November kerana peniaga menghalang kontrak baru dengan penjual Malaysia.

Malaysia secara tradisinya mendominasi sebahagian besar penghantaran minyak kelapa sawit ditapis India, sementara Indonesia menguasai bekalan minyak sawit mentah, kata Pengarah Urusan GG Patel & Nikhil, Govindbhai Patel.

REUTERS